

Ujian Ramadan buat penduduk

Persiapan lapan keluarga berbuka terjejas akibat banjir kilat



Keadaan air bertakung disebabkan banjir kilat di Jalan 1 Kampung Tengah, kelmarin.

■ NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Banjir kilat yang melanda Jalan 1 Kampung Tengah, di sini, kelmarin mengakibatkan persiapan berbuka puasa penduduk sedikit terjejas.

Pengerusi JKKK Kampung Tengah, Edrus Mohd Yusof berkata, dalam kejadian kira-kira jam 6 petang itu, sekurang-kurangnya lapan rumah dan

“ Kita usulkan supaya tembok didirikan pada bahagian sungai bagi menyelesaikan masalah banjir kilat melanda rumah penduduk untuk perhatian pejabat wakil rakyat.” - Edrus Mohd Yusof

sebuah kedai dimasuki air satu jam selepas hujan lebat.

Menurutnya, kawasan tersebut beberapa kali dinaiki air disebabkan masalah anak sungai berhampiran yang sempit

selepas didirikan rumah.

“Tembok didirikan pemilik rumah berkenaan menyebabkan limpahan air sungai mengenai rumah penduduk di bahagian bertentangan.

“Kita usulkan supaya tembok didirikan pada bahagian sungai bagi menyelesaikan masalah banjir kilat melanda rumah penduduk untuk perhatian pejabat wakil rakyat,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan maklumat penduduk terjejas bagi diberikan bantuan bencana.

Dalam perkembangan lain katanya, enam rumah di Kampung Tengah Tambahan di MRR2 turut terjejas akibat hujan, kelmarin.

“Banjir lumpur datangnya dari bukit berhampiran yang dijadikan tempat longgokan sampah haram.

“Kejadian pertama kali berlaku dan kebanyakan penduduk bergotong-royong membersihkan rumah, sementara menunggu buka puasa,” katanya.



Penduduk Kampung Tengah Tambahan MRR2 bergotong-royong membersihkan rumah yang dimasuki banjir lumpur.